

Pak Lah: PAS dan Umno punca Islam Hadhari tak dapat sambutan
The Malaysian Insider
04 Oktober , 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 4 Okt — Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata PAS dan segelintir orang Umno sendiri menjadi punca konsep Islam Hadhari yang diperkenalkannya tidak mendapat sambutan di Malaysia.

Jelas bekas perdana menteri ini, PAS telah menggunakan pentas politik sebagai platform untuk menolak konsep Islam Hadhari.

Selain itu, Abdullah (gambar) juga berkata terdapat segelintir ahli Umno yang turut menggunakan kaedah sama seperti PAS untuk memburukkan konsep Islam Hadhari kepada rakyat.

“Semasa kita bawa Islam Hadhari ke luar negara, kita mendapat sambutan tetapi di Malaysia tidak, sebab PAS dan Umno.

“Masalahnya apabila kita buat promosi Islam Hadhari... PAS tidak setuju sebab mereka kata Islam hanya satu dan mereka berceramah di merata tempat untuk tolak Islam Hadhari, kemudian ada juga ahli Umno sendiri yang ikut cara PAS berceramah isu Islam Hadhari,” katanya pada sidang media selepas merasmikan forum “Keamanan dan Keselamatan-Perspektif Islam” di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di sini.

Tambah Abdullah, PAS yang kini dipimpin Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan melakukan apa sahaja semata-mata politik.

“Yang jadi masalah bila melibatkan politik tapi di luar negara Islam Hadhari diterima baik kerana ia dilihat sebagai platform yang boleh diterima orang Islam dan bukan Islam.

“Malah ada juga yang melihat Islam Hadhari dapat dijadikan platform di peringkat antarabangsa,” katanya.

Jelas beliau, 10 prinsip yang terkandung dalam konsep Islam Hadhari adalah pendekatan paling sesuai untuk membangunkan modal insan termasuk dalam kalangan mereka yang bukan Islam.

“Sepuluh prinsip ini boleh diterima kerana ia melibatkan banyak perkara seperti pendidikan, ekonomi, pertahanan... ada 10 prinsip,” katanya.

Ditanya sama ada Islam Hadhari “ditenggelamkan” dengan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan yang diperkenalkan Datuk Seri Najib Razak selepas mengambil alih pentadbiran negara, Abdullah berkata, “ia masih diteruskan walaupun konsep baru dibentuk.”

“Bila ada perubahan, bukan tenggelam tapi (kerajaan) ada kepentingan lain yang hendak dilaksanakan, bukan dalam kerajaan sahaja dalam organisasi lain juga begitu.

“Kita masih teruskan dan kita tidak pernah lupa kemukakan cadangan jangka panjang,”

katanya.

Abdullah memperkenalkan konsep Islam Hadhari pada 2003.

Hadi pernah mengatakan Islam Hadhari adalah konsep mengelirukan dan menggugat akidah umat Islam.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pak-lah-pas-dan-umno-punca-i-slam-hadhari-tak-dapat-sambutan/>